

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini dan pendekatan Kerajaan dalam isu krisis ekonomi terkait Malaysia Aviation Group (MAG).

**JAWAPAN**

**Yang Dipertua,**

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah menjaskan industri penerbangan negara secara keseluruhannya. Berdasarkan semakan semula unjuran senario trafik penumpang Malaysia 2020, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) menjangkakan jumlah tempat duduk perkhidmatan penerbangan penumpang akan berkurangan kepada 26.6 juta – 29.7 juta bersamaan -72.8% hingga -75.6% pada tahun 2020 (berbanding 2019 – 109.2 juta penumpang).
2. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa 3 tahun untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Malaysia Aviation Group Berhad (MAG), sejak Mac 2020, lebih kurang 95 peratus rangkaian penerbangan MAG terpaksa dikurangkan akibat sekatan yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara bagi membendung penularan wabak ini.

4. Kerajaan komited untuk membantu semua pihak yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19 termasuk sektor penerbangan dan pengangkutan udara. Walau bagaimanapun, pada masa ini, Kerajaan tidak akan terlibat dalam pelan menyelamatkan mana-mana syarikat penerbangan komersial memandangkan Kerajaan perlu memastikan sebarang bantuan yang diberikan terutamanya dari segi kewangan mempunyai kerangka kerja dan objektif yang jelas untuk mengelakkan berlakunya diskriminasi kepada sektor dan syarikat lain yang turut terjejas dengan wabak ini.
5. Memandangkan Kerajaan tidak mempunyai sebarang pegangan saham dalam MAG dan Malaysia Airlines Berhad (MAB), sebarang cadangan pemulihan dan penstrukturran syarikat adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), selaku pemegang saham tunggal syarikat.
6. Dalam hubungan ini, MAG kini sedang merumuskan suatu rancangan pemulihan melalui perbincangan dengan pihak pembiutang dan pemajak pesawat bagi mengatasi kemelut yang melandanya. Khazanah, sebagai pemegang sahamnya, menyokong penuh rancangan pemulihan ini dan akan terus bekerjasama dengan MAG dalam usaha mengenal pasti penyelesaian strategik terbaik bagi syarikat penerbangan negara tersebut. Kejayaan penstrukturran semula ini amat bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh semua pihak, termasuk pihak pembiutang dan pemajak pesawat.
7. Khazanah sebagai dana pelaburan negara dan pemegang saham MAG boleh menyokong usaha ini melalui suntikan dana ke dalam MAG yang berjaya disusun semula. Namun demikian, sebarang suntikan dana oleh Khazanah ke dalam MAG adalah tertakluk kepada sejauh mana pembiutang bersedia untuk mengurangkan bebanan hutang yang ditanggung oleh syarikat penerbangan nasional itu. Pengurangan bebanan hutang akan membolehkan MAG memperkuatkan kembali kedudukan kewangannya dan seterusnya mampu terus maju pada masa hadapan.
8. Dalam hubungan ini, sebarang pengumuman mengenai penstrukturran semula MAG akan dibuat sebaik sahaja ia dimuktamadkan. Sekian, terima kasih.